

R B074 AAB  
MAHATHIR - PEMBERITA

PENDANG, 16 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TERDAPAT SESETENGAH PEMBERITA MENJADI +ALAT+ KEPADA MAJALAH-MAJALAH LUAR NEGERI YANG DIMILIKI OLEH ORANG YAHUDI UNTUK MENGHURU-HARAKAN NEGARA INI.

MEREKA MENULIS PELBAGAI CERITA DAN KARANGAN BERTUJUAN MENIMBULKAN SEMANGAT DI KALANGAN ORANG YANG MENENTANG KERAJAAN, KATANYA PADA MAJLIS KORBAN AIDIL AHDA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA BAHAWA AHKBAR DAN MAJALAH ASING BERKENAAN JUGA MEMBERI SOKONGAN KUAT KEPADA PAS DAN DAP, KONONNYA KEDUA-DUA PARTI ITU AKAN MENDAPAT KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS.

HARAPAN MEREKA IALAH SUPAYA KEDUA-DUA PARTI ITU MENANG DAN SEKIRANYA IA MENJADI KENYATAAN, HURU HARA AKAN BERLAKU DI NEGARA INI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA GOLONGAN ITU SEBENARNYA TIDAK SUKA KEPADA AGAMA ISLAM TETAPI MAJALAH MEREKA MEMBERI SOKONGAN YANG KUAT KEPADA PAS. -- LAGI

1548MST 16 08 86

D931

U B075 AAB  
MAHATHIR - PEMBERITA 2 PENDANG

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, MAJALAH-MAJALAH ASING ITU AMAT KECEWA KERANA KEDUA-DUA PARTI PEMBANGKANG BERKENAAN TIDAK MENANG.

NAMUN BEGITU, MEREKA MENDAKWA KONONNYA PAS MASIH KUAT SERTA AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA KEDUA-DUA PARTI ITU PADA MASA AKAN DATANG SUPAYA KEDUA-DUANYA MENDAPAT SEMANGAT BARU UNTUK MENENTANG KERAJAAN BARISAN NASIONAL, JUGA UNTUK MEWUJUDKAN HURU-HARA DI NEGARA INI.

GOLONGAN BERKENAAN JUGA MENGGUNAKAN MAJALAH MEREKA UNTUK MEMBERI GAMBARAN YANG SALAH MENGENAI KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA INI, KATANYA.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA HURU-HARA BERLAKU, NEGARA AKAN RUGI KERANA IA TERKENAL SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MENYOKONG KUAT ORANG-ORANG PALESTIN YANG MELAWAN YAHUDI.

+SEBAB ITU PUAH YAHUDI INI MENGGUNAKAN AKHBAR MEREKA UNTUK MENENTANG NEGARA-NEGARA YANG TERLIBAT+, TAMBAHNYA. -- LAGI

1557MST 16 08 86

D939

U B077 AAB  
MAHATHIR - PEMBERITA 3 PENDANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA TERDAPAT JUGA ORANG YANG SERUPA ITU DI NEGARA INI YANG SELALU MEMBERI SOKONGAN KEPADA PAS KERANA MEREKA TAHU JIKA PARTI ITU BERKUASA HURU-HARA AKAN BERLAKU, DAN BUKANNYA KERANA MEREKA SUKAKANNYA.

MEREKA JUGA MENULIS BERMACAM-MACAM CERITA UNTUK MENIMBULKAN SEMANGAT DI KALANGAN ORANG-ORANG YANG MENENTANG KERAJAAN SETERUSNYA INGIN MELIHAT NEGARA INI TIDAK LAGI STABIL.

+KITA KENAL MEREKA DAN KITA SENTIASA MEMERHATIKAN KEGIATAN MEREKA; KITA ANGGAP MEREKA SEBAGAI ALAT KEPADA ORANG YAHUDI SERTA BERASA SEDIH KERANA ADA ORANG MELAYU YANG MAHU DIPERALATKAN UNTUK MENJAYAKAN HASRAT YAHUDI,+ TEGASNYA.

BELIAU MASIHATI RAKYAT SUPAYA BERHATI-HATI DENGAN GOLONGAN ITU SERTA MENYEDARI RANCANGAN YAHUDI UNTUK MEMUSNAHKAN ORANG ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NIAT BURUK YAHUDI KETARA KERANA KEGIATAN YAHUDI KEBELAKANGAN INI MENJADI LEBIH JELAS KERANA SESUATU YANG MEREKA BUAT IALAH UNTUK MEMUSNAHKAN UMAT ISLAM. -- BERNAMA

1610MST 16 08 86